

Berita PESUTM

Berita Persatuan Pesara Universiti Teknologi Malaysia

Berita ini dinamakan "Berita PESUTM". Penamaan nama ini selari dengan hasrat berita ini menjadi wadah penyampaian maklumat kepada ahli berhubung aktiviti yang dilakukan PESUTM. Berita PESUTM ini diterbitkan secara tak tetap, iaitu keperluan penerbitannya disandarkan betapa pentingnya sesebuah program yang dianjurkan itu perlu diuarkan kepada ahli. Oleh sebab itu, kaedah penomboran bilangan dicatatkan secara berturutan dalam bulan /tahun. Selain itu, terbitan Berita PESUTM ini hanya dalam bentuk digital.



Penyertaan 10 orang AJK PESUTM dalam Majlis Makan Malam diketuai Tuan Haji Mohd Salleh Mohamed selaku Timbalan Yang Dipertua. Ahli lain terdiri daripada Prof. Emeritus Dr Ahmad Kamal Idris, Hj. Roslan Abd Ghani, Hj Jamaluddin Harun, Dr Hafizah Harun, Hj Khalid Mazlan, Hj Zainul Rashid Bakar, Hj Ismael Samat, Hj Zainal Abidin Hassan dan Puan Ramlah Hussin.

AHLI JAWATANKUASA & BIRO PERSATUAN PESARA UTM 2023-2025

YANG DIPERTUA

Prof. Emeritus Dato' Dr. Ahmad Darus

TIMBALAN YANG DIPERTUA

Tuan Haji Salleh Mohamed

SETIAUSAHA

Saudara Roslan Abd Ghani

PENOLONG SETIAUSAHA

Haji Ansar Sidek

BENDAHARI

Haji Jamaludin Harun

PENOLONG BENDAHARI

Dr. Hafizah Harun

BIRO SERANTA

Haji Khalid Mazlan | Ketua
Haji Bakri Mohd Dahlan
Cik Siti Zaiton Borham

BIRO EKONOMI

Puan Kasuma Masjuriah B. Basar | Ketua
Prof. Emeritus Dr. Ahmad Kamal Idris
En. Muhamad Saad Sulaiman
Puan Faridah Hussein
En. Abdul Hadi Othman
En. Othman Adon

BIRO KEBAJIKAN & SOSIAL

Haji Dahari Derani | Ketua
Haji Zainal Abidin Hassan
Puan Abrizah Abd. Rahim
Puan Ramlah Husin
En. Abdul Wahab Laberahimah
En. Razali Jantan

BIRO KHIDMAT PROFESIONAL

Haji Ismael Samat | Ketua
Haji Zainul Rashid Abu Bakar
Haji Md Noh Main
En. Mohd Sofian Mohd Amran
Haji Abdul Razib Haji Shahabuddin

Majlis Bandaraya Iskandar Puteri | 19 Julai 2023

PESUTM TURUT MEMERIAHKAN SAMBUTAN HARI PESARA 2023 PERINGKAT KEBANGSAAN | 19 Julai 2023

"Pesara Tonggak Kesejahteraan Negara" menjadi tagline Majlis Makan Malam Sempena Sambutan Hari Pesara 2023 Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan di Dewan Utama Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), Johor Bahru malam tadi.

Majlis yang penuh seri dan meriah dengan pelbagai pengisian dianjurkan Kelab Pesara Kerajaan 1Malaysia (KUPEKMAS). Dalam majlis ini para pemimpin KUPEKMAS yang hadir terdiri daripada YBhg Datuk Haji Omar Haji Osman selaku Presiden, YBhg Datuk Sri Haji Mohd Yusop Harmain Shah - Timbalan Presiden, Tuan Haji Mohd Shams Jaes selaku Naib Presiden II serta para pemimpin KUPEKMAS dari negeri-negeri. Selain itu, jemputan kenamaan antaranya YB Dato Haji Mohd Haffiz Haji Ahmad, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP), YB Dato Haji Mohd Noorazam Dato Haji Osman, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB). Dalam majlis sama turut dihadiri Tuan Mohd Effendy Abdul Ghani selaku Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC).

Mengikut sejarahnya pada 19 Julai 2012 KUPEKMAS telah menganjurkan "Perhimpunan Perdana Pesara Kerajaan 1Malaysia" di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). "Dalam majlis tersebut, Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan tanggal 19 Julai setiap tahun, Malaysia akan meraikan Hari Pesara sebagai menghargai jasa mereka penjawat awam dalam membantu membangunkan negara.



Persatuan Pesara Universiti Teknologi Malaysia turut memeriahkan sambutan Hari Pesara ini dengan penyertaan 10 orang Ahli Jawatankuasa dalam Majlis Makan Malam diketuai Tuan Haji Mohd Salleh Mohamed selaku Timbalan Yang DiPertua. Ahli lain terdiri daripada Prof. Emeritus Dr Ahmad Kamal Idris, Ahli Biro Ekonomi, HJ Roslan Abd Ghani, Setiausaha PESUTM, Hj Jamaluddin Harun, Bendahari, Dr Hafizah Harun, Bendahari, Hj Khalid Mazlan, Ketua Biro Seranta, Hj Zainul Rashid Abdu Bakar, Ketua Biro Hubungan Luar dan Profesional, Hj Ismaal Samat, Hj Zainal Abidin Hassan dan Puan Ramlah Hussin.

Berita PESUTM difahamkan seramai 600 orang ahli KUPEKMAS dari seluruh negara hadir dalam majlis makan

malam penuh meriah dengan pelbagai program yang diaturkan oleh pihak penganjur - - persembahan tarian zapin, Buskers, penyampaian cenderahati, penyampaian Sijil Penghargaan, Penyerahan Mock Cek dan cabutan nombor bertuah. YB Datuk Haji Pandak bin Haji Ahmad Ahli Dewan Undangan Kota Iskandar merasmikan Majlis Makan Malam ini. Dalam ucapan beliau Datuk Haji pandak berulang kali menegaskan bahawa kejayaan yang kita tempa dan nikmati waktu kini sebenarnya merupakan hasil usaha dan dedikasi para penjawat awam yang kini bergelar pesara.





“KESEJAHTERAAN NEGARA”

U) 8.00 MALAM
JIS BANDARAYA ISKANDAR
BAHRU, JOHOR





